

02/07/1997

Syarikat Britain minat melabur

USAHA Malaysia memasarkan Koridor Raya Multimedia (MSC) menelan belanja berjuta-juta ringgit di Eropah dan London baru-baru ini, menghasilkan minat yang cukup memberangsangkan di kalangan pelabur Britain.

Menteri dari Jabatan Perdagangan dan Industri, United Kingdom, Lord Clinton-Davis, berkata lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed ke London Mei lalu bagi mendapatkan sokongan menjayakan MSC disifatkan sebagai berjaya menimbulkan kefahaman mendalam kepada pelabur British.

"Syarikat Britain ternama seperti British Telecom, kini menunjukkan minat yang tidak berbelah bagi terhadap konsep keseluruhan MSC.

"Mereka menghantar pasukan untuk mengkaji dengan mendalam dan menjangka sebilangan syarikat Britain akan terbabit dalam koridor itu tidak lama lagi," katanya di Kuala Lumpur, minggu lalu.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melakukan kunjungan hormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Ketika kunjungan berkenaan, Davis diiringi Pesuruhjaya Tinggi Britain ke Malaysia, David Moss dan Pengarah Jabatan Perdagangan dan Industri Rantau Asia Tenggara, Brandon Doyle.

Sambutan terhadap MSC cukup menggalakkan dengan purata 16 hingga 20 permohonan sebulan diterima daripada syarikat asing dan tempatan untuk menyertainya.

Setakat ini, 14 syarikat asing diberi status MSC dengan setiap satu melabur antara RM50 juta dan RM250 juta.

Di samping MSC, perbincangan Rafidah juga termasuk perkara seperti dasar Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan isu tertentu, terutamanya persekitaran perdagangan dalam Kesatuan Eropah.

"Kami juga sedang meninjau kemungkinan mengadakan usaha sama dan perikatan antara Malaysia dan Britain sementara memperbaiki yang sedia ada," katanya.

(END)